

Info Artikel:

Diterima: 03/12/2018

Direvisi: 14/12/2018

Dipublikasikan: 15/12/2018

Social environment factors and its relationship with the appreciation of the character of polytechnic students

Shaiffuddin Bin Anuar¹, Norni Binti Abdul Wahab²

^{1,2}Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin

Abstract

Social environment can influence students' moral. This study aimed to see the influence and relevance of such relationships. Social environment in this study includes parents, teachers, peers, artists, environmental institutions, communities and discipline enforcement. This quantitative study carried out against 400 student semester one Sultan Mizan Zainal Abidin Polytechnic as samples. Consists of students of Department of Electrical Engineering and Department of Mechanical Engineering. Both departments were chosen because they have student majority. The results show that social environment influential significantly against the formation of students' moral character. The highest influence of social environment is the parent ($M= 4.25$, $SD = 0.57$), followed by teachers ($M=3.97$, $SD = 0.61$), society ($M=3.81$, $SD = 0.60$), the institutional environment ($M= 3.76$, $SD = 0.59$), discipline enforcement ($M =3.74$, $SD = 0.73$), peers ($M=3.63$, $SD = 0.62$) and artists ($M=2.80$, $SD=0.93$). The findings contribute to the improvement of teaching and learning activities and development of students' moral character in the institution as a whole.

Keywords: *social environment factors, character, polytechnic students*



This is an open access article distributed under the Creative Commons Attribution License, which permits unrestricted use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. ©2018 by author.

PENDAHULUAN

Faktor-faktor persekitaran sosial boleh mempengaruhi atau menjadi sumber pembelajaran kepada proses pembentukan tingkah laku seseorang melalui pelbagai corak pembelajaran sosial seperti permodelan, maklum balas, dorongan dan halangan (Azhar Ahmad, 2006). Faktor persekitaran sosial yang dimaksudkan termasuklah elemen-elemen kemanusiaan, seperti pengaruh ibu bapa, pengaruh guru-guru, pengaruh rakan sebaya dan pengaruh masyarakat, atau juga elemen-elemen bukan kemanusiaan seperti pengaruh pelbagai jenis media yang diterima oleh seseorang semasa menjalani proses kehidupan mereka.

Selain daripada peranan diri, pembentukan keperibadian seseorang turut dipengaruhi oleh pelbagai pengaruh yang wujud dalam persekitaran kehidupan manusia seperti mana yang dijelaskan dalam al-Quran ayat ke 8 hingga ke 10 surah asy-Syams:

فَأَلْهَمَهَا بُغُورَهَا وَتَقْوَنَهَا ٨١ ٨٢ وَقَدْ خَابَ مَنْ زَكَّنَهَا

Serta mengilhamkannya (untuk mengenal) jalan yang membawanya kepada kejahatan, dan yang membawanya kepada bertaqwah; Sesungguhnya berjayalah orang yang menjadikan dirinya - yang sedia bersih - bertambah-tambah bersih (dengan iman dan amal kebaikan), Dan sesungguhnya hampalah orang yang

menjadikan dirinya - yang sedia bersih - itu susut dan terbenam kebersihannya (dengan sebab kekotoran maksiat). (Asy-Syams 91: 8 - 10)

Dalam ayat ini dijelaskan tentang proses pembentukan keperibadian manusia dipengaruhi oleh elemen-elemen ilham sama ada ia menuju kepada jalan yang baik maupun yang buruk. Namun manusia dibekalkan dengan akal untuk memilih jalan mana yang harus diikuti. Pengaruh-pengaruh jalan kebaikan dan kefasikan ini pada hakikatnya merupakan pengaruh-pengaruh yang wujud daripada persekitaran dalam kehidupan seseorang. Rasulullah saw juga telah menghuraikan pentingnya elemen pengaruh persekitaran sosial terhadap proses pembentukan keperibadian seseorang. Baginda menjelaskan tentang pentingnya seseorang memperhatikan dengan siapakah dia bergaul dalam kehidupan sehariannya kerana pergaulan tersebut akan memberi kesan terhadap keperibadiannya

Imam al-Ghazali juga turut menekankan faktor pembelajaran sosial iaitu pergaulan dengan orang-orang yang soleh sebagai salah satu daripada tiga kaedah membentuk akhlak yang mulia dalam diri seseorang (Muhamad Abul Quasem 1975). Ini adalah kerana manusia itu secara semulajadi bersifat meniru di mana seseorang itu boleh memperolehi kedua-dua sifat baik dan buruk daripada keadaan seseorang yang lain. Jika seseorang itu bergaul dengan seseorang yang baik dalam tempoh tertentu, dia akan memperolehi dalam dirinya sesuatu kebaikan daripada orang tersebut dan secara tidak disedari banyak mempelajari sesuatu daripadanya (M. Umaruddin 2003). Menurut Badrulzaman (2006) pula, manusia berbeza berdasarkan persekitaran di mana ia berada. Sesiapa yang mendapati dirinya berada dalam persekitaran dan pendidikan yang membantunya ke arah kebaikan, maka dia lebih cenderung untuk menjadi golongan yang baik dan begitu juga sebaliknya.

Ibn Khaldun (2002) juga menjelaskan, persekitaran yang baik perlu bagi menghasilkan akhlak yang baik dan akhlak yang baik itu perlu lahir dari diri sendiri berdasarkan pengamatannya kepada faktor-faktor persekitaran yang boleh mempengaruhi tabiat hidup manusia. Hassan (1987) berpendapat, persekitaran mampu memberi kesan terhadap penghayatan nilai akhlak seseorang. Menurut beliau, penghayatan nilai akhlak merupakan peringkat akhir dari proses pengakuran sosial yang dibentuk melalui pembelajaran sosial yang menggabungkan asas-asas pembelajaran sosial seperti rangsangan, tindak balas, peneguhan, kepatuhan, identifikasi, permodelan dan tiruan. Proses ini selanjutnya memerlukan kewujudan faktor-faktor motivasi luaran seperti galakan dan ancaman dan dalaman seperti kepuasan diri dan keinginan untuk dilihat

METODE

Rekabentuk kajian ini adalah kuantitatif menggunakan kaedah tinjauan (survey) dengan menggunakan instrumen soal selidik Ab Halim et. al. (2011) bagi pemerolehan data dengan tahap kebolehpercayaan yang tinggi iaitu 0.841 seperti Jadual 1 berikut:

Jadual 1: Kebolehpercayaan Instrumen Penelitian

Aspek	Bil Item	Nilai Alpha
Pengaruh Persekitaran	28	0.841

Kajian ini melibatkan populasi iaitu kesemuanya 400 orang pelajar semester satu bagi sesi pengajian Jun 2018 bagi Politeknik Sultan Mizan Zainal Abidin. Kumpulan pelajar ini merupakan pelajar yang telah menamatkan pengajian peringkat SPM 2017. Persampelan yang diguna ialah purposive sampling iaitu persampelan bertujuan sebagaimana yang dicadangkan oleh Creswell (2008) yang mengatakan persampelan bertujuan boleh dilaksana sekiranya sampel yang dipilih mewakili sample yang sebenar lantaran hambatan yang tertentu seperti untuk menjimatkan masa dan kos. Pengkaji juga merujuk kepada jadual sampling Krecjie & Morgan (1970) yang mengatakan jumlah 400 memadai untuk mewakili populasi yang mencecah 100,000.00 populasi. Sehubungan itu pengkaji memilih hanya pelajar dari JKM dan JKE sahaja memandangkan keduanya mempunyai jumlah pelajar yang paling ramai. Data telah ditadbir sendiri oleh pengkaji dan dianalisis secara deskriptif menggunakan peratus, min dan sisihan piawai. Min yang diperoleh ditafsirkan menggunakan cara interpretasi dapatan statistik deskriptif yang dicadangkan oleh Norasmah (2001) dan Azhar (2006) seperti jadual 2 berikut:

Jadual 2: Interpretasi Skor Min

Skor Min	Interpretasi
1.00 -2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.01 – 5.00	Tinggi

Sumber: Azhar (2006) dan Norasmah (2001)

HASIL DAN PEMBAHASAN

Latar Belakang Responden Kajian

Jadual 3: Latar Belakang Responden Kajian

Perkara	Latarbelakang	N	%
Jantina	Lelaki	282	70.3
	Perempuan	118	29.7
Program JKE	Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komputer)	48	12.0
	Diploma Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi)	20	5.2
	Diploma Kejuruteraan Elektrik Dan Elektronik	54	13.5
	Diploma Teknologi Digital	34	8.3
Program JKM	Diploma Kejuruteraan Mekanikal	108	27.1
	Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Automotif)	58	14.6
	Diploma Kejuruteraan Mekanikal (Pembuatan)	44	10.9
	Diploma Kejuruteraan Mekatronik	34	8.3

Sumber: Data Lapangan

Jadual 3 di atas menunjukkan taburan 400 orang responden yang terlibat dengan kajian ini yang mana seramai 282 orang (70.3%) adalah pelajar lelaki dan 118 orang (29.7%) adalah pelajar perempuan. Kajian ini melibatkan 156 orang (39 %) pelajar dari Jabatan Kejuruteraan Elektrik dan 244 orang (61 %) pelajar dari Jabatan Kejuruteraan Mekanikal. Jadual 3 juga memaparkan taburan pelajar berdasarkan program pengajian yang diikuti.

Pengaruh Persekutaran Sosial

Hasil kajian aspek pengaruh persekitaran sosial terhadap pembentukan akhlak pelajar pula dipaparkan secara terperinci berdasarkan jadual 4- 10 di bawah:

1. Pengaruh Ibu bapa

Jadual 4: Taburan skor Pengaruh ibu bapa

Item	Min	SP	Tahap
Tingkah laku ibu bapa menjadi ikutan saya	4.04	0.91	T
Maklumbalas ibu bapa mempengaruhi akhlak saya	4.17	0.74	T
Ibu bapa merupakan faktor pendorong amalan berakh�ak saya	4.48	0.62	T
Nasihat ibu bapa menjauahkan saya dari perlakuan tidak berakh�ak	4.30	0.92	T
Keseluruhan	4.25	0.57	T

Sumber: Data Lapangan

SP: Sisihan Piawai

R: Rendah SR: Sederhana Rendah

ST: Sederhana Tinggi T: Tinggi

Merujuk kepada jadual di atas, tahap pengaruh ibu bapa dalam pembentukan akhlak anak-anak berada pada tahap tinggi (Skor Min 4.25, SP=0.57) secara keseluruhannya. Skor Min adalah antara 4.04 (SP=0.91) bagi item 'Tingkah laku ibu bapa menjadi ikutan saya' iaitu pada tahap tinggi sehingga Skor Min 4.48 (SP=0.62) bagi item 'Ibu bapa pendorong utama amalan berakh�ak saya'. pada tahap tinggi. Kesemua item yang dikaji berada pada tahap tinggi. Ini menunjukkan ibubapa mempunyai pengaruh yang tinggi dalam membentuk akhlak pelajar.

Dapatkan ini jugamemperlihatkan intitusi keluarga masih signifikandan utuh dalam membentuk dan memberipengaruh dalam pembentukan akhlak pelajar.

2. Pengaruh Pensyarah

Jadual 5: Taburan skor Pengaruh Pensyarah

Item	Min	SP	Tahap
Tingkah laku pensyarah menjadi ikutan saya	3.63	0.94	ST
Maklumbalas pensyarahmempengaruhi akhlak saya	3.85	0.74	ST
Pensyarah merupakan faktor pendorong amalan berakhhlak saya	3.96	0.71	ST
Nasihat pensyarah menjauhkan saya dari perlakuan tidak berakhhlak	3.97	0.76	ST
Keseluruhan	3.97	0.61	ST

Sumber: Data Lapangan

SP: Sisihan Piaawai

R: Rendah SR: Sederhana Rendah

ST: Sederhana Tinggi T: Tinggi

Merujuk kepada jadual 5 di atas, tahap pengaruh pensyarah dalam pembentukan akhlak pelajar berada pada tahap sederhana tinggi (Skor Min 3.97, SP=0.61) secara keseluruhannya. Skor Min adalah antara 3.63 (SP=0.94) bagi item `tingkah laku pensyarah menjadi ikutan saya` sehingga Skor Min 3.97 (SP=0.71) bagi item `nasihatpensyarah menjauhkan saya dari perlakuan tidak berakhhlak` pada tahap sederhana tinggi. Kesemua item berada pada tahap sederhana tinggi, dapatkan ini menunjukkan bahawa pengaruh pensyarah adalah sederhana tinggi dalam membentuk akhlak pelajar. Dapatkan ini sekaligus memperlihatkan bahawa institusi pendidikan dan pensyarah tetap berupaya memberi pengaruh dalam pembentukan akhlak dalam kalangan pelajar walaupun berada pada tahap sederhana tinggi.

3. Pengaruh Rakan

Jadual 6: Taburan skor Pengaruh Rakan

Item	Min	SP	Tahap
Tingkah laku rakan menjadi ikutan saya	3.48	0.89	ST
Maklumbalas rakan mempengaruhi akhlak saya	3.68	0.86	ST
Rakan merupakan faktor pendorong amalan berakhhlak saya	3.76	0.87	ST
Nasihat rakan menjauhkan saya dari perlakuan tidak berakhhlak	3.58	1.00	ST
Keseluruhan	3.63	0.62	ST

Sumber: Data Lapangan

SP: Sisihan Piaawai

R: Rendah SR: Sederhana Rendah

ST: Sederhana Tinggi T: Tinggi

Merujuk kepada jadual 6 di atas, tahap pengaruh rakan dalam pembentukan akhlak pelajar berada pada tahap sederhana tinggi (Skor Min 3.63, SP=0.62) secara keseluruhannya. Skor Min adalah antara 3.48 (SP=0.89) bagi item `tingkah laku rakan menjadi ikutan saya` sehingga Skor Min 3.76 (SP=0.87) bagi item `rakan merupakan faktor pendorong amalan berakhhlak saya`. Kesemua item berada pada tahap sederhana tinggi, dapatkan ini menunjukkan bahawa rakan mempunyai pengaruh yang sederhana tinggi dalam pembentukan akhlak pelajar. Dapatkan memperlihatkan pengaruh rakan sebagai menghampiri pengaruh pensyarah dalam pembentukan akhlak pelajar berkemungkinan lebih banyak masa bersama rakan berbanding pensyarah.

4. Pengaruh Artis

Jadual 7: Taburan skor Pengaruh Artis

Item	Min	SP	Tahap
Tingkah laku artis menjadi ikutan saya	2.50	1.12	SR
Maklumbalas artis mempengaruhi akhlak saya	2.77	1.09	SR
Artis merupakan faktor pendorong amalan berakhhlak saya	2.89	1.13	SR
Nasihat artis menjauhkan saya dari perlakuan tidak berakhhlak	3.07	1.12	ST
Keseluruhan	2.80	0.93	SR

Sumber: Data Lapangan

SP: Sisihan Piaawai

R: Rendah SR: Sederhana Rendah

ST: Sederhana Tinggi T: Tinggi

Merujuk kepada jadual 7 di atas, tahap pengaruh artis dalam pembentukan akhlak anakanak berada pada tahap sederhana rendah (Skor Min 2.80, SP=0.93) secara keseluruhannya. Skor Min adalah antara 2.50 (SP=1.12) bagi item `tingkah laku artis menjadi ikutan saya' iaitu pada tahap sederhana rendah sehingga Skor Min 3.07 (SP=1.12) bagi item `nasihat artis menjauhkan saya dari perlakuan tidakberakhhlak' pada tahap sederhana tinggi. Kesemua item berada pada tahap sederhana rendah kecuali satu item berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatkan ini menunjukkan bahawa artis hanya mempengaruhi pembentukan akhlak pelajar pada tahap yang sederhana rendah. Walaupun remaja kini dilihat berminat dengan artis, mengenali dan mengikuti perkembangan artis, artis kurang memberi pengaruh kepada pembentukan akhlak pelajar.

5. Pengaruh Institusi

Jadual 8: Taburan skor Institusi

Item	Min	SP	Tahap
Persekutaran institusi menjadi panduan akhlak diri saya.	3.78	0.79	ST
Tindakan yang diambil terhadap salah laku pelajar melalui peraturan mempengaruhi pembentukan akhlak diri saya.	3.76	0.74	ST
Persekutaran institusi faktor pendorong yang kuat untuk saya mengamalkan sikap dan tingkah laku berakhhlak.	3.83	0.76	ST
Persekutaran institusi menjadi benteng untuk diri saya dari melakukan perkara yang tidak berakhhlak.	3.68	0.80	ST
Keseluruhan	3.76	0.59	ST

Sumber: Data Lapangan SP: Sisihan Piaawai

R: Rendah SR: Sederhana Rendah

ST: Sederhana Tinggi T: Tinggi

Merujuk kepada jadual 8 di atas, tahap pengaruh persekitaran institusi dalam pembentukan akhlak pelajar berada pada tahap sederhana tinggi (Skor Min 3.76, SP=0.59) secara keseluruhannya. Skor Min adalah antara 3.68 (SP=0.79) bagi item `Persekutaran institusi menjadi benteng untuk diri saya dari melakukan perkara yang tidak berakhhlak.' sehingga Skor Min 3.83 (SP=0.76) bagi item `Persekutaran institusi faktor pendorong yang kuat untuk saya mengamalkan sikap dan tingkah laku berakhhlak.' pada tahap sederhana tinggi. Kesemua item berada pada tahap sederhana tinggi, dapatkan memperlihatkan persekitaran institusi mempunyai pengaruh yang sederhana tinggi dalam pembentukan akhlak pelajar. Persekutaran institusi perlu dirancang dengan baik kerana ianya memberi pengaruh dalam pembentukan akhlak pelajar. Ini selari dengan pelaksanaan *Islamic Envirement* di jabatan induk dan sokongan, sudut-sudut motivasi dan sebagainya.

6. Pengaruh Masyarakat

Jadual 9: Taburan skor Pengaruh Masyarakat

Item	Min	SP	Tahap
Cara hidup masyarakat menjadi panduan akhlak diri saya.	3.73	0.77	ST
Tindakan yang diambil terhadap salah laku remaja melalui peraturan masyarakat mempengaruhi pembentukan akhlak diri saya.	3.68	0.78	ST
Cara hidup masyarakat yang positif menjadi faktor pendorong yang kuat untuk saya melakukan perkara yang berakh�ak.	3.95	0.73	ST
Budaya hidup yang positif dalam masyarakat menjadi benteng untuk diri saya dari melakukan perkara yang tidak berakh�ak.	3.89	0.82	ST
Keseluruhan	3.81	0.60	ST

Sumber: Data Lapangan SP: Sisihan Piawai

R: Rendah SR: Sederhana Rendah

ST: Sederhana Tinggi T: Tinggi

Merujuk kepada jadual di atas, tahap pengaruh masyarakat dalam pembentukan akhlak pelajar berada pada tahap sederhana tinggi (Skor Min 3.81, SP=0.60). Skor Min adalah antara 3.68 (SP=0.78) bagi item `Tindakan yang diambil terhadap salah laku remaja melalui peraturan masyarakat mempengaruhi pembentukan akhlak diri saya.' iaitu pada tahap sederhana tinggi sehingga Skor Min 3.98 (SP=0.73) bagi item `Cara hidup masyarakat yang positif menjadi faktor pendorong yang kuat untuk saya melakukan perkara yang berakh�ak' pada tahap sederhana tinggi. Kesemua item berada pada tahap sederhana tinggi. Hasil kajian mendapati pelajar yang datang dari pelbagai latar belakang masyarakat mengatakan bahawa masyarakat memberi pengaruh dalam pembentukan akhlak pelajar pada tahap yang sederhana tinggi melebihi rakan sebaya. Pentingnya bagi masyarakat kekal dan meningkatkan lagi keupayaan memberikan pengaruh yang positif dan terhadap pembentukan akhlak remaja.

7. Pengaruh Undang-undang

Jadual 10: Taburan skor Pengaruh Undang-undang

Item	Min	SP	Tahap
Undang-undang negara menjadi panduan akhlak diri saya.	3.76	0.84	ST
Tindakan yang diambil terhadap salah laku golongan remaja melalui undang-undang dalam negara mempengaruhi pembentukan akhlak diri saya.	3.67	0.83	ST
Undang-undang mendorong saya mengamalkan sikap dan tingkah laku berakh�ak.	3.79	0.85	ST
Undang-undang negara menjadi benteng untuk diri saya dari melakukan perkara yang tidak berakh�ak.	3.74	0.92	ST
KESELURUHAN	3.74	0.73	ST

Sumber: Data Lapangan SP: Sisihan Piawai

R: Rendah SR: Sederhana Rendah

ST: Sederhana Tinggi T: Tinggi

Merujuk kepada jadual di atas, tahap pengaruh undang-undang dalam pembentukan akhlak anak-anak berada pada tahap sederhana tinggi (Skor Min 3.74, SP=0.73) secara keseluruhannya. Skor Min adalah antara 3.67 (SP=0.83) bagi item `tindakan yang diambil terhadap salah laku golongan remaja melalui undang-undang dalam negara mempengaruhi pembentukan akhlak diri saya' sehingga Skor Min 3.79 (SP=0.85) bagi item `undang-undang menjadi faktor pendorong yang kuat untuk saya mengamalkan tingkah laku yang berakh�ak'. Kesemua item berada pada tahap sederhana tinggi, dapatkan memperlihatkan bahawa undang-undang mempunyai pengaruh yang sederhana tinggi dalam pembentukan akhlak pelajar. Pelajar yang merupakan remaja melihat undang-undang sebagai satu mekanisme untuk berakh�ak berkemungkinan atas faktor hormat kepada undang-undang atau menjadikannya sebagai batasan dalam bertingkahlaku agar tidak dikenakan tindakan undang-undang.

Jadual 11: Pengaruh Persekutaran Sosial

Pengaruh Persekutaran Sosial	Min	SP	Tahap
Ibu bapa	4.25	0.57	T
Pensyarah	3.97	0.61	ST
Masyarakat	3.81	0.60	ST
Persekutaran Institusi	3.76	0.59	ST
Undang-undang	3.74	0.73	ST
Rakan Sebaya	3.63	0.62	ST
Artis	2.80	0.93	ST
Keseluruhan	3.74	0.73	SR

Sumber: Data Lapangan SP: Sisihan Piawai

R: Rendah SR: Sederhana Rendah

ST: Sederhana Tinggi T: Tinggi

Jadual di atas memerihalkan perbandingan skor Min bagi kesemua pemboleh ubah pengaruh persekitaran sosial yang dikaji. Dapatkan menunjukkan bahawa ibu bapa (Skor Min 4.25, SP=0.57) paling berpengaruh dalam pembentukan peribadi pelajar iaitu berada pada tahap tinggi. Ini kemudiannya diikuti dengan pengaruh pensyarah (Skor Min 3.97, SP=0.61), masyarakat (Skor Min 3.81, SP=0.60), persekitaran institusi (Skor Min 3.76, SP=0.59), undang-undang (Skor Min 3.74, SP=0.73) dan rakan (Skor Min 3.63, SP=0.62) iaitu berada pada tahap sederhana tinggi. Artis (Skor Min 2.80, SP=0.93) dilihat kurang memberi pengaruh kepada pembentukan peribadi pelajar berada pada tahap sederhana rendah.

KESIMPULAN

Akhhlak merupakan satu elemen yang terpenting sebagai hamba dan khalifah Allah swt di muka bumi ini dan merupakan tujuan utama perutusan nabi Muhammad saw. Segala syariat melalui al-Quran dan as-Sunnah bermatlamatkan membina dan memartabatkan akhhlak dalam kehidupan Muslim. Remaja yang merupakan gambaran masa depan negara dan dunia perlu dimantapkan dengan akhhlak mulia sedari kecil dan memerlukan komitmen semua pihak. Hasil kajian ini dapat dirumuskan bahawa ibubapa sangat signifikan mempengaruhi pembentukan akhhlak anak-anak. Kajian mendapat ibubapa mempunyai pengaruh yang tertinggi dalam membentuk akhhlak pelajar. Hanya satu aspek sahaja dalam kajian ini berada pada tahap tinggi iaitu ibubapa manakala 5 aspek berada pada tahap sederhana tinggi dan satu aspek berada pada tahap sederhana rendah. Pensyarah juga amat signifikan memperlihatkan mempunyai pengaruh yang kedua tertinggi dalam membentuk akhhlak pelajar. Keadaan ini selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) yang bermatlamatkan pembinaan akhhlak. Pensyarah perlu memantapkan peranannya dalam membangunkan akhhlak pelajar kerana guru mampu memberi pengaruh yang baik selain daripada masyarakat, institusi, undang-undang dan rakan. Kajian ini mendapat artis tidak memberi pengaruh kepada pembentukan akhhlak berkemungkinan artis tidak menjadi ikutan pelajar atau pelajar hanya menganggap artis sebagai elemen hiburan sahaja. Selain itu, remaja perlu dibekalkan pengetahuan agama yang kukuh kerana agama Islam itu sendiri yang bersifat sempurna dan universal (Abdullah Nasih Ulwan, 2003).

DAFTAR RUJUKAN

- Azhar Ahmad (2006) Strategi Pembelajaran Pengaturan Kendiri Pendidikan Islam dan Penghayatan Akhhlak Pelajar Sekolah Menengah di Sarawak. Tesis Dr. Falsafah. Bangi:UKM.
- Abul Qasem, Muhammad (1975). The Ethics of al-Ghazali: A Composite Ethic in Islam. US: The University of California.
- Ibn Khaldun (2002) Abd al-Rahman bin Muhammad Khaldun al-Hadrami Mukaddimah Ibn Khaldun. Terj. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Umaruddin, M. (2003). The Ethical Philosophy of al-Ghazali. India: Adam Publishers.
- Badrulzaman, B. (2006). Persekutaran keluarga dan kesannya terhadap tingkah laku devian remaja di daerah Pontian, Johor, Fakulti Pendidikan: Universiti Teknologi Malaysia.
- Hassan Langgulung (1987). Asas-asas Pendidikan Islam. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ab. Halim Tamuri & Zarin Ismail (2005). Hubungan Media Massa Dengan Pegangan Akhhlak dan Pengajaran Pendidikan Islam. Laporan Penyelidikan UKM. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Buerah Tunggak, Maznah Ali, Nurafzan Muhamad & Md. Hamzaimi Azrol Md Baharuddin. (2012). Delinkuensi Pelajar dan Cadangan Penyelesaiannya Menerusi Model Pembangunan Sahsiah Remaja/

- Pelajar Muslim Bersepadu. Seminar Antarabangsa Perguruan& Pendidikan Islam: Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Baru. 08-09 Mac 2012.
- Ahmad Syukri. (2008). Pengaruh Media Massa dan Media Elektronik dalam Mensosialisasikan Masyarakat di Provinsi Riau. Jurnal Penelitian, Vol VIII No 4 September 2008, hal, 38-45.
- Fariza Md Sham dan Muhammad Faisal Ashaari (2010). Media sebagai Tarikan Psikologi Dalam Dakwah. Kertas Kerja Muzakarah Ulama' dan Cendiakawan Islam 2010. 31 Mei 2010. Perak: Pejabat SUK Negeri Perak.
- Zainudin Sharif & Norazmah Mohamad Roslan (2011). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. Journal of Education Psychology & Counseling, volume 1 Mac 2011, Pages115-140
- Creswell, J. W. (2008). Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Krejcie, R.V. & Morgan, D.W. (1970). Determining sample size for research activities. Educational & Psychological Measurement, 30, 607-610.
- Abdullah Nasih Ulwan (2003). Generasi Muda & Cabaran Globalisasi. Kuala Lumpur: YADIM.